



**FACULTY OF EDUCATION AND ARTS**

**FINAL EXAMINATION**

Student ID (in Figures) : 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Course Code & Name : **MPU3142 BAHASA MELAYU KOMUNIKASI 2**  
Trimester & Year : May - August 2023  
Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain  
Duration : 2 Hours

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

1. This question paper consists of 2 parts:  
PART A (30 marks) : THIRTY (30) multiple choice questions. Answers are to be written in the Multiple Choice Answer Sheet provided.  
PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Pemahaman Teks  
SOALAN 2 – Tatabahasa  
SOALAN 3 – Karangan (Choose ONE (1) only)
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

**WARNING:** The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students’ Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

**Total Number of pages = 11 (Including the cover page)**

**SOALAN 1 – PEMAHAMAN TEKS (20 markah)**

**Petikan (i)**

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.*

Ahmad berasal dari Iran manakala Kelvin dari Singapura. Mereka merupakan pelajar universiti di Kuala Lumpur. Mereka berdua selalu pergi ke perpustakaan bersama-sama. Selepas kuliah, mereka akan pergi ke perpustakaan untuk mencari bahan rujukan. Selepas itu, mereka akan duduk bersama-sama berbincang tentang tugas. Di perpustakaan ada ramai yang menghabiskan masa lapang dengan membaca buku-buku inspirasi atau novel. Ahmad dan Kelvin tidak suka membaca novel. Ahmad lebih suka buku-buku masakan kerana dia belajar dalam program Seni Kuliner. Kelvin pula dari program perniagaan, jadi dia lebih suka membaca buku perniagaan dan strategi pemasaran. Sekiranya perlu, mereka akan meminjam buku-buku dari perpustakaan. Namun begitu, mereka lebih suka untuk menyiapkannya di perpustakaan kerana buku-buku itu terlalu tebal dan berat untuk dibawa pulang.

1. Siapakah yang berasal dari Singapura? **(2 markah)**
  
2. Apakah yang dilakukan oleh mereka berdua selepas habis kuliah? **(2 markah)**
  
3. Nyatakan **EMPAT (4)** aktiviti yang boleh dilakukan di perpustakaan. **(4 markah)**
  
4. Mengapakah mereka lebih suka menyiapkan kerja mereka di perpustakaan berbanding dengan meminjam buku? **(2 markah)**

**Petikan (ii)**

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.*

**Tempat: Restoran Sri Rahmah**

- Daud: Hai, boleh saya dapatkan menu di sini.
- Pelayan: Ini menunya, encik.
- Daud: Wah, menu makanan di sini nampak sedap dan menarik. Apa makanan popular di sini?
- Pelayan: Biasanya, ramai yang memesan Nasi Goreng USA dan sate kambing. Encik suka makan apa?
- Daud: Nasi Goreng USA?
- Pelayan: Nasi goreng yang mempunyai udang, sotong dan ayam. Semua lauk ini segar.
- Daud: Pasti sedap! Kalau begitu, saya juga mahu memesan Nasi Goreng USA.
- Pelayan: Bagaimana dengan minuman?
- Daud: Saya mahu teh tarik kurang manis.
- Pelayan: Ada apa-apa lagi, encik?
- Daud: Tidak ada. Itu sahaja.

*[Pelayan datang membawa makanan dan minuman]*

- Daud: Bau makanan sungguh menyelerakan. Nasi gorengnya secukup rasa. Ugang pula besar.
- Pelayan: Saya harap encik menyukai makanan ini.
- Daud: Tentulah saya suka. Makanannya begitu lazat dan sama seperti dalam menu. Servis juga bagus dan pantas.
- Pelayan: Terima kasih. Ini resit bayaran. Jumlahnya RM24.00.
- Daud: Ini wangnya, tiga puluh ringgit. Bakinya kamu simpan.
- Pelayan: Terima kasih sekali lagi.

1. Di manakah Daud makan? **(2 markah)**
2. Apakah makanan dan minuman yang dipesan oleh Daud? **(2 markah)**
3. Apakah **DUA (2)** perkara yang disukai Daud di restoran itu? **(4 markah)**
4. Berapakah jumlah wang baki yang diterima oleh pelayan? **(2 markah)**

**SOALAN 2 – TATABAHASA (30 markah)**

**a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini:**

- |              |            |
|--------------|------------|
| I. cantik    | (2 markah) |
| II. pendek   | (2 markah) |
| III. panjang | (2 markah) |
| IV. tebal    | (2 markah) |
| V. tinggi    | (2 markah) |

**(10 markah)**

**b) Terjemahkan petikan berikut ke dalam bahasa Melayu.**

1. My sister is intelligent and hardworking.
2. Diana's house is white and very big.
3. My mother cooks my favorite food while singing her favorite songs.
4. My best friend likes to go shopping at the famous shopping center.
5. This weekend, I will be going to Melaka.
6. Do you prefer reading books or watching movies?
7. She is a quiet and shy girl in my class.
8. My sister goes to college by train.
9. I always play football with my friends in the evening.
10. My younger sister has many friends because she is very friendly.

**(20 markah)**

**SOALAN 3 : KARANGAN (20 markah)**

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 100 patah perkataan**.

1. Ceritakan tentang **LIMA (5)** jenis makanan kegemaran anda.

ATAU;

2. Tulis tentang '**KAWAN BAIK SAYA**'.

**(20 markah)**

**SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT**